

## PERLAKSANAAN MAQASID SYARIAH DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (*SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS - SDG*) DALAM PENGURUSAN ZAKAT DI MELAKA

### ***THE IMPLEMENTATION OF MAQASID SYARIAH AND SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) IN ZAKAT MANAGEMENT IN MELAKA***

**Rozita Baba\***

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Rahisam Ramli**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: rozita@unimel.edu.my

---

#### **Article History:**

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

#### **To cite this article:**

Baba, R. & Ramli, R. (2024). Perlaksanaan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) dalam Pengurusan Zakat Di Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 274-285.

#### **ABSTRAK**

Zakat dijelaskan di dalam Al-Quran secara umum dan tidak secara terperinci. Walau bagaimanapun dalam aspek agihan zakat, Al-Quran menyatakan dengan jelas zakat perlu diagihkan kepada lapan asnaf. Pelbagai kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi memastikan pengurusan agihan zakat berjalan dengan lancar termasuk agihan zakat yang efisien. Bagi memastikan kelangsungan institusi zakat pada masa kini, pendekatan *maqasid syariah* dan Matlamat Pembangunan Mampan - *Sustainable Development Goal* (SDG) dilihat pendekatan terbaik yang boleh dilaksanakan. Justeru itu, objektif kajian ini akan membincangkan secara umum konsep *maqasid syariah* dan SDG. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan *maqasid syariah* dan SDG boleh dijadikan asas atau panduan kepada institusi zakat. Kajian ini mendapati bahawa secara umumnya skim pengagihan zakat yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mematuhi *maqasid syariah* dan selari dengan SDG. Skim bantuan yang disediakan oleh MAIM telah mencapai

tujuh (7) sasaran pembangunan SDGs iaitu SDG 1, 2, 3, 4, 8, 11 dan 17. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan melakukan semakan dan penelitian terhadap pengurusan zakat di negeri-negeri di Malaysia termasuk skim agihan zakat berdasarkan pendekatan *maqasid syariah* dan SDG.

**Kata kunci:** Maqasid Syariah; SDG; Pengurusan; Agihan Zakat

## **ABSTRACT**

*Zakat is explained in the Quran in general terms and not in detail. However, in terms of zakat distribution, the Quran clearly states that zakat must be distributed to eight beneficiaries. Various methods and approaches are used to ensure that zakat distribution management runs smoothly, including efficient zakat distribution. To ensure the continuity of the zakat institution today, the maqasid syariah approach and the Sustainable Development Goals (SDG) are seen as the best approach that can be implemented. Therefore, the objective of this study will discuss in general the concepts of maqasid syariah and SDG. This qualitative study uses documentation and observation methods. The results of the study found that the maqasid syariah approach and SDG can be used as a basis or guide for zakat institutions. This study found that in general, the zakat distribution scheme carried out by the MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM) complies with maqasid syariah and is in line with the SDG. The assistance scheme provided by MAIM has achieved seven (7) SDG development targets, namely SDG 1, 2, 3, 4, 8, 11 and 17. Further studies can be carried out by reviewing and examining zakat management in states in Malaysia, including zakat distribution schemes based on the maqasid syariah approach and SDGs.*

**Keywords:** Maqasid Shariah; SDG; Management; Zakat Distribution

## **1.0 PENGENALAN**

Zakat memainkan peranan meningkatkan kesejahteraan hidup. Selain itu, zakat juga merupakan ekonomi umat Islam yang berperanan sebagai mekanisme keadilan sosio-ekonomi kerana ianya merupakan salah satu sistem kehartaan dan ekonomi umat Islam dalam membangunkan kehidupan manusia (Patmawati, 2008). Pensyariatan Zakat berperanan sebagai medium penyucian harta serta perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi umat Islam. Institusi zakat bertanggungjawab di dalam merancang, mengurus dan menyusun strategi bagi mencapai sasaran pensyariatan zakat. Memperkasakan pengurusan zakat selaras dengan *maqasid syariah* dan *Sustainable Development Goal* (SDG) amat diperlukan bagi memastikan pengurusan zakat berada di landasan yang tepat dan mampu meningkatkan kehidupan asnaf dari aspek sosial dan ekonomi. Memastikan pelaksanaan zakat sentiasa berlandaskan *maqasid syariah* merupakan agenda utama di dalam pengurusan zakat. Malahan penawaran skim-skim bantuan yang diperlukan oleh asnaf hendaklah selari dengan SDG bagi memastikan setiap keperluan asnaf dipenuhi dan bertepatan dengan syariat Islam. Pendekatan *maqasid syariah* dan

SDG dalam pelaksanaan agihan skim-skim bantuan ini dapat menjamin kepercayaan pembayar zakat dan kepentingan penerima zakat.

### 1.1 Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Zakat

Matlamat yang ditentukan oleh syariat untuk direalisasikan bagi faedah dan kepentingan manusia iaitu untuk menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan merupakan definisi Maqasid syariah oleh Al-Shatibi, 1997. Syariat Islam bersifat dinamis dan fleksibel di dalam menyusun objektif syariah selari dengan keperluan dan kepentingan manusia sejagat berdasarkan kepada tiga tahap kepentingan iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsinyyat* (Al-Shatibi, 1997).

*Al-Daruriyyat* merupakan keperluan sesuatu maslahah yang diperlukan dan dihajati. Sekiranya tidak diambil perhatian, ia akan menghancurkan sistem kehidupan manusia secara keseluruhannya. *Al-Hajiyat* merupakan sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekaligus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kesusahan. *Al-Tahsinyyat* merupakan usaha mencapai keperluan biasa dan kepentingan atas bersifat sebagai pelengkap kepada pencapaian *hajiyat* dan *daruriyyat* (Al-Ghazali, 1993).

**Jadual 1:** Tahap Kepentingan Manusia dan Jenis Daruriyyat

Bil.	Tahap	Bil.	Kepentingan Daruriyyat
1	<i>Al-Daruriyyat</i>	1	Memelihara Agama
2	<i>Al-Hajiyat</i>	2	Memelihara keturunan
3	<i>Al-Tahsinyyat</i>	3	Memelihara Akal
		4	Memeihara Nyawa
		5	Memelihara Harta

Sumber: Al-Shatibi, 1977

### 1.2 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGS)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB-UN) telah memperkenalkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dengan usahasama global 193 buah negara anggota terutamanya dalam bidang Pendidikan (E), Sains (S), Budaya dan Komunikasi (CO) (Jabatan Statistik, 2018). 17 matlamat telah ditetapkan dengan 169 sasaran yang ingin dicapai. SDGs merupakan penambahbaikan terhadap *Millenium Development Goals* (MDGs) yang tamat pada 2015. Dengan berprinsipkan *No One Left Behind*, SDGs menjamin semua orang mendapat manfaat daripada pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran. Menerusi SDGs, generasi masa depan dijamin mampu mendapat semua keperluan atas yang diperlukan. Perancangan SDGs meliputi manusia, planet, kesejahteraan, keamanan dan rakan strategik bagi mengakhiri permasalahan yang dihadapi negara-negara membangun.

**Jadual 2:** Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Bil.	Matlamat
1	Tiada Kemiskinan
2	Sifar Kelaparan
3	Kesihatan dan Kesejahteraan
4	Pendidikan Berkualiti
5	Kesaksamaan Gender
6	Ketersediaan Pengurusan Air dan Sanitasi Yang Mampan
7	Memastikan Akses Kepada Tenaga yang mampu dimiliki, mampan dan moden
8	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
9	Membina Infrastruktur Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif, Mampan dan Inovasi
10	Mengurangkan Ketidaksamaan Kawasan
11	Kelestarian Bandar dan Komuniti
12	Memastikan Penggunaan dan Corak Pengeluaran Mampan
13	Menangani Perubahan Iklim dan Kesan-kesannya
14	Ekosistem Lautan
15	Ekosistem Daratan
16	Institusi Yang Damai, Adil dan Kuat
17	Rakan Strategik Untuk Mencapai Matlamat

Sumber: *Sustainable Development Goals* (2018)

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

*Maqasid-Shariah* pada dasarnya bertujuan untuk menjamin kesejahteraan manusia di dunia sebagai sarana kesejahteraan di akhirat. Kesejahteraan merangkumi semua peningkatan dalam kehidupan manusia termasuk keadilan material, rohani dan sosial. Selain itu, kesejahteraan juga memerlukan keperluan asas untuk dipenuhi dan dipertingkatkan dengan syarat yang merangkumi perhubungan peribadi yang menyokong, pemerksaan komuniti, keselamatan kewangan, pekerjaan yang memberi ganjaran, kesihatan yang baik, dan persekitaran yang sihat dan menarik. Walau bagaimanapun, kajian yang mengaitkan antara maqasid Syariah dengan SDG masih lagi kurang dikaji walaupun SDG akan tamat pada 2030. Adakah perlaksaan maqasid Syariah dapat memenuhi 17 matlamat SDG masih lagi boleh dipersoalkan. 17 matlamat pula dibahagikan kepada 169 sasaran yang ingin dicapai. *Maqasid syariah* dengan matlamat memberi faedah dan kepentingan manusia iaitu menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan manakala SDG pula mempunyai matlamat yang hamper serupa iaitu menjamin semua orang mendapat manfaat daripada pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran terutama mendapatkan keperluan asas.

Susunan komponen dan penunjuk tidak menunjukkan hierarki penunjuk mana yang paling penting ke arah memenuhi keperluan rakyat. Justeru, kajian ini penting untuk meninjau dimensi dan komponen dalam *maqasid Syariah* yang boleh meningkatkan ukuran kesejahteraan manusia iaitu menerusi SDG. Paling penting, kajian semula ini berjaya merumuskan lima tema utama iaitu memelihara agama, keturunan, akal, nyawa dan harta. Selain memastikan agihan dijalankan dengan mematuhi *maqasid syariah*, pencapaian matlamat SDG juga dapat dilaksanakan.

### 3.0 SOROTAN LITERATUR

Penulisan dan kajian yang berkaitan maqasid syariah ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penulisan tentang konsep serta teori berkaitan maqasid syariah dan penulisan maqasid pensyariatan zakat secara umum yang boleh memberi input kepada kajian ini. Secara umumnya, penulisan berkaitan konsep serta teori berkaitan maqasid syariah telah banyak dibincangkan oleh tokoh Islam klasik dan moden antaranya ialah al-Shatibī (2001), al-Ghazalī (t.th), Ibnu Taymiyah (1398H), al-Amidī (1388H), Ibn ‘Ashur (2009), ‘Ilal al-Fasī (2011), al-Raysunī (2013), Wahbah al-Zuhaylī (2005), Muhammad al-Yubī (1432H), Isma‘il al-Hasanīd (1995) dan ramai lagi. Penulisan-penulisan tersebut telah menyentuh pengertian maqasid, sejarah kemunculan ilmu maqasid, klasifikasi maqasid, kaedah ta‘līl al-ahkām dan sebagainya.

Al-Ghazalī (2004) melalui karya beliau ,*Ihya’ ‘Ulum al-Dīn* telah berusaha merungkaikan hikmah-hikmah kepada hukum berkaitan ibadah zakat yang diwajibkan Allah SWT. Pelbagai hikmah ibadah zakat dikupas yang menjadi asas dan sandaran kepada maqasid di dalam penentuan hukum dan fatwa termasuklah zakat digariskan untuk dijadikan panduan dan pengetahuan umat Islam. Karya lain, Shah Waliullah al-Dahlawī (2010) iaitu ,*Hujjatullah al-Balighah* juga menjelaskan perkara berkaitan rahsia dan hikmah syariat Islam. Karya ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan rahsia kebaikan yang diterima umum oleh semua syariat terdahulu. Bahagian kedua pula berkaitan rahsia setiap syariat Islam seperti iman, solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi. Karya ini berjaya menerangkan kebaikan dan mudarat yang sesuai dari setiap hukum-hakam yang ditentukan.

Shahriar et al. (2018) menyatakan kesejahteraan dalam perspektif syariah ialah apabila keperluan manusia terpenuhi termasuk aspek rohani, sosial dan material. Rasool et al. (2020) dan Kader (2021) mendefinisikan kesejahteraan dari perspektif syariah dengan istilah yang sering digunakan dalam al-Quran; Hayatan Tayyibah (kehidupan yang baik) dan sa‘adah (kebahagiaan). Hayatan Tayyibah merangkumi aspek kejiwaan dan aspek psikologi. Manakala, (Kasri & Ahmed (2015), Hasib et al. (2020) dan Mohammed & Mansor (2021) menggunakan istilah Maslahah dan Falah sebagai dua perkara yang tidak boleh dipisahkan daripada kesejahteraan dalam perspektif Islam. Islam mempunyai visi ekonomi yang dapat menjamin kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial (Nouman et al., 2021). Kesejahteraan sosial dan kemakmuran ekonomi adalah teras *Maqasid Shariah*. *Maqasid Shariah* dianggap sebagai konsep realistik dan holistik sebagai panduan

hidup yang lengkap untuk kesejahteraan individu dan masyarakat. Menurut Julia & Kassim (2020), kesejahteraan ekonomi ialah peningkatan yang mampan dan seimbang dalam konteks material dan bukan material di dunia dan akhirat. Ia melibatkan proses multidimensi dengan menyusun semula mengorientasikan semula sistem ekonomi dan sosial mengikut prinsip Islam.

Unit Perancang Ekonomi (EPU) mentakrifkan kesejahteraan sebagai keadaan fizikal, sosial dan mental yang positif yang berpunca daripada pelbagai barang kolektif dan hubungan dengan manusia dan tempat. Dari perspektif Islam, kesejahteraan (SDG 4) merangkumi semua peningkatan dalam kehidupan manusia termasuk keadilan material, rohani dan sosial (Yusof et al. 2019). Kesejahteraan memerlukan keperluan asas yang perlu dipenuhi dan dipertingkatkan dengan syarat yang merangkumi perhubungan peribadi yang menyokong, pemerkasaan komuniti, keselamatan kewangan, pekerjaan yang memberi ganjaran, kesihatan yang baik, dan persekitaran yang sihat dan menarik. Kebanyakan kajian terdahulu termasuk penggunaan per kapita (Mossie et al. 2021). Walaupun banyak kajian tradisional lepas menunjukkan pelbagai definisi dan ukuran untuk kesejahteraan, tetapi sedikit daripada mereka berkaitan dengan *Maqasid Syariah*.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini telah memenuhi semua kriteria reka bentuk penyelidikan kajian lepas. Kajian kualitatif digunakan bagi pengumpulan data dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah sumber yang diperolehi daripada Al-Quran dan hadith, yang merupakan sumber asal manakala sumber sekunder diperoleh melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh para ilmuan dan sarjana, sama ada dalam bentuk tesis, buku, surat khabar, jurnal, majalah, kertas seminar, media online seperti laman sesawang rasmi organisasi yang diiktiraf.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN

Setiap negeri mempunyai skim bantuan zakat yang berbeza bagi membantu golongan asnaf. Skim-skim ini meliputi kenajikan dan pembangunan asnaf seperti keperluan asas, pendidikan, agama, perubatan, perumahan, pengangkutan dan sebagainya. Semua skim perlu disemak bagi memastikan skim-skim ini selari dengan Maqasid syariah dan SDGs. Berdasarkan kajian ini, skim-skim bantuan yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Melaka telah meliputi konsep *maqasid syariah* dan SDGs.

Jadual 3 secara umumnya menunjukkan peranan *maqasid syariah* di dalam skim bantuan makanan bulanan, skim simpanan, bantuan sukarelawan, bantuan persediaan Ramadan, bantuan aidiladha, bantuan aidilfitri dan bantuan tunai bertujuan menjaga agama dan nyawa. Bagi menjaga akal, skim bantuan lebih kepada pendidikan seperti bantuan saraan anak sekolah, saraan anak IPT, yuran sekolah, pakaian sekolah, pinjaman pelajaran, kursus kecemerlangan agama, pembelian laptop, bayaran yuran tertunggak dan kelas pengajian agama. Selain itu, bantuan juga mematuhi *maqasid syariah* dari sudut menjaga keturunan dan harta bagi skim

bantuan sewa kediaman, bantuan baiki rumah kediaman, dan bantuan bina rumah asraf. Skim bantuan juga berperanan menjaga nyawa dengan skim bantuan sakit terlantar, rawatan dialysis, jagaan orang tua terlantar, khairat kematian, cucian luka, alat bantu pulih dan ambulan. Juga terdapat lain-lain bantuan yang patuh Maqasid syariah yang lain iaitu bantuan am, bantuan kecemasan dan bantuan kit ibadah. Justeru itu, kutipan zakat seharusnya lebih banyak dan mampu memainkan peranannya dalam kehidupan sosial, kebajikan dan pembangunan ekonomi untuk menggantikan peranan kerajaan menerusi bajet yang ditetapkan. Dalam erti kata lain, dengan peningkatan kutipan dana zakat mampu meningkatkan agihan zakat serta pendapatan asraf.

**Jadual 3:** Skim bantuan MAIM berdasarkan Maqasid Syariah dan SDGs

Bil.	Skim Bantuan	Maqasid Syariah	SDGs
1	Bantuan Makanan Bulanan	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
2	Bantuan Saraan Anak Sekolah	Akal	Pendidikan Berkualiti
3	Bantuan Saraan Anak IPT	Akal	Pendidikan Berkualiti
4	Bantuan Pengurusan Jenazah	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
5	Bantuan Tunai (Muallaf)	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
6	Bantuan Sakit Kronik	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
7	Bantuan Sukarelawan Orang Miskin	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
8	Bantuan Sakit Terlantar	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
9	Bantuan Rawatan Dialisis	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
10	Bantuan Khairat Kematian	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
11	Bantuan Jagaan Orang Tua Terlantar	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
12	Bantuan Cucian Luka	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
13	Bantuan Sewa Kediaman	Keturunan & Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
14	Bantuan Yuran Sekolah (Tahunan)	Akal	Pendidikan Berkualiti
15	Bantuan Pakaian Sekolah (Tahunan)	Akal	Pendidikan Berkualiti
16	Bantuan Persediaan Ramadan	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
17	Bantuan Aidiladha	Agama &	Tiada Kemiskinan & Sifar

18	Bantuan Baiki Rumah	Nyawa Keturunan & Harta	Kelaparan Kelestarian Bandar & Komuniti
19	Bantuan Makanan Kecemasan	Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
20	Bantuan Am (Tunai Segera)	Nyawa, Harta & Keturunan	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
21	Bantuan Ambulan	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
22	Bantuan Ibu Bersalin	Nyawa & Keturunan	Kelestarian Bandar & Komuniti
23	Kit Ibadah Asnaf	Agama & Akal	Kelestarian Bandar & Komuniti
24	Bantuan Alat Bantu Pulih	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
25	Bantuan Perniagaan	Harta	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
26	Bantuan Pengangkutan	Harta	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
27	Bantuan Aidilfitri	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
28	Bantuan Lesen Memandu	Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
29	Bantuan Penempatan Rumah Kebajikan MAIM	Akal	Kelestarian Bandar & Komuniti
30	Bantuan Pinjaman Pelajaran	Akal	Pendidikan Berkualiti
31	Bantuan Kelas Pengajian Agama	Agama & Akal	Pendidikan Berkualiti
32	Bantuan Baiki Rumah	Keturunan dan Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
33	Bantuan Perjalanan Ibnu Sabil		
34	Bantuan Bencana	Keturunan dan Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
35	Bantuan Kursus Kecemerlangan Anak	Akal	Pendidikan Berkualiti
36	Bantuan Tunas Usahawan	Harta	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
37	Bantuan Kit Makanan Ziarah	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
38	Bantuan Am (Sewa Ambulan)	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
39	Bantuan Am (Sara Hidup)	Agama & Nyawa	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan

40	Bantuan Am (Tunggakan Utiliti)	Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
41	Bantuan Am (Tunggakan Sewa Rumah)	Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
42	Bantuan Am (Deposit Sewa Rumah)	Harta	Kelestarian Bandar & Komuniti
43	Bantuan Am (Perubatan)	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
44	Bantuan Am (Kemasukan Anak ke Asrama / IPT)	Akal	Pendidikan Berkualiti
45	Bantuan Am (Pembelian Laptop)	Akal	Pendidikan Berkualiti
46	Bantuan Am (Tunggakan Yuran Pengajian)	Akal	Pendidikan Berkualiti
47	Bantuan Am (Perbelanjaan Pengajian Kursus Pendek)	Harta	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
48	Bantuan Am (Cermin Mata)	Nyawa	Kesihatan & Kesejahteraan
49	Bantuan Am (Perniagaan)	Harta	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi

Sumber: Bahagian Agihan Zakat Majlis Agama Islam Melaka, 2024

Skim bantuan yang disediakan oleh MAIM telah mencapai tujuh (7) sasaran pembangunan SDGs iaitu SDG 1, 2, 3, 4, 8, 11 dan 17. Pencapaian ini boleh dipertingkatkan dengan lain-lain SDGs agar masyarakat lebih yakin dengan impak zakat terhadap kesejahteraan hidup. Kajian yang dijalankan di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menunjukkan skim bantuan telah mencapai enam (6) sasaran SDG (Ab Rahman, A, 2019). Manakala kajian yang dijalankan di Lembaga Zakat Negeri Kedah mendapati skim bantuan di negeri Kedah mencapai tujuh (7) sasaran SDG (Zainal, Othman & Mustaffa, 2019).

Peranan skim bantuan terhadap pencapaian SDG boleh dilihat di dalam Jadual 3. Kajian mendapati skim bantuan disediakan oleh MAIM mencapai SDG-1 dan SDG-2 iaitu tiada kemiskinan dan sifar kelaparan. Bagaimana pun kemiskinan bandar dan mudah miskin juga menjadi fenomena yang mencabar ke arah matlamat tersebut. Bagi menamatkan semua bentuk kemiskinan dan sifar kelaparan, peningkatan pendapatan isi rumah merupakan penyelesaian kepada permasalahan ini. Skim bantuan yang dijalankan oleh MAIM bagi mengatasi masalah ini antaranya termasuklah bantuan makanan bulanan, skim simpanan (fakir), bantuan tunai, bantuan sukarelawan, bantuan persediaan Ramadan, bantuan Aidiladha dan bantuan Aidilfitri. Hanya dengan pendidikan mampu mengeluarkan mereka daripada golongan asnaf. Manakala SDG-3 iaitu kesihatan dan kesejahteraan berkaitan dengan skim bantuan antaranya bantuan sakit kronik, sakit terlantar, rawatan dialisis, khairat kematian, jagaan orang tua terlantar, cucian luka dan bantuan ambulan. Pihak MAIM juga tidak ketinggalan dalam mencapai SDG-4 iaitu

pendidikan berkualiti yang mana menyediakan skim bantuan seperti bantuan saraan anak sekolah, saraan anak IPT, yuran sekolah dan pakaian sekolah.

Bagi mencapai SDG-8 iaitu pembangunan ekonomi asnaf, pihak MAIM juga menyediakan bantuan perniagaan dan bantuan pengangkutan bagi asnaf. SDG-11 pula merupakan sasaran kelestarian bandar dan komuniti, MAIM menyediakan bantuan sewa kediaman, baiki rumah asnaf, bantuan am, bantuan ibu bersalin, kit ibadah, lesen memandu, tunggakan sewa rumah dan deposit sewa rumah. Dan pencapaian matlamat SDG ketujuh adalah SDG-17, rakan strategik untuk pencapaian matlamat pembangunan. Bagi memastikan program yang dijalankan oleh MAIM berjalan dengan lancar, MAIM telah membina jaringan dengan pelbagai agensi luar iaitu institusi pengajian tinggi bagi menjalankan penyelidikan mengenai zakat. Selain itu, MAIM turut menjalinkan hubungan bersama sektor perbankan (SME Bank dan Agro Bank), Tabung Haji, PERKESO, juga sektor swasta seperti Speedmart. Tidak ketinggalan masyarakat setempat, agensi-agensi kerajaan dan korporat. MAIM telah melantik amil di seluruh masjid di negeri Melaka sebagai wakil MAIM bagi mengesan dan menyampaikan maklumat berkenaan asnaf dengan lebih capat. Jalinan rakan strategik ini sangat penting bagi MAIM untuk mencapai matlamat SDGs kerana dengan adanya bantuan daripada agensi luar maka agenda SDGs dapat dicapai dengan mudah.

## **6.0 KESIMPULAN**

Maqasid syariah dan SDGs sangat penting untuk dicapai bagi memastikan pengurusan zakat di negeri Melaka berjaya dan menurut syariat Islam. Di samping menjadikan SDGs sebagai rujukan dalam pemerkasaan institusi zakat dan kesejahteraan asnaf ia wajar diperluaskan kepada bentuk agihan produktif dan bersasar. Secara umumnya skim-skim zakat yang disediakan oleh MAIM bertepatan dengan Maqasid syariah dan SDGs. Pendekatan dan amalan ini perlu dilihat secara holistik dalam meningkat perkhidmatan dan menjadi rujukan kepada institusi zakat lain. Pemberian skim bantuan berpandukan Maqasid syariah dan SDGs perlu bagi menjamin setiap asnaf tidak terpinggir atau *no one left behind* untuk mendapatkan keperluan asas di samping memperoleh kemahiran bagi membangunkan diri dan ekonomi asnaf. Dengan cara ini, institusi zakat mampu meningkatkan kualiti dan kesejanhteraan hidup masyarakat, mengurangkan kemiskinan dan melahirkan lebih ramai pembayar zakat dalam kalangan asnaf itu sendiri.

### **Sumbangan Pengarang**

Baba, R., Pengenalan, Literatur, Method, Perbincangan dan draf awal. Ramli, R., Perbincangan, semakan dan suntingan draf akhir.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1993). Al-Mustasfa Min ‘Ilm al-Usul, Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al ‘Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2004). Ihya’ ‘Ulum al-Din. Jilid 1. Bayrūt: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi. (1997). Al-Muwafaqat fi Usul al-shariah. Beirut: Dal al-Ma‘rifah.
- Ab Rahman, A. (2019). Pengurusan institusi zakat berdasarkan maqasid syariah dan matlamat pembangunan lestari (SDG): Management of zakat institution based on maqasid syariah and sustainable development goals (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research*, 42-59.
- Bahagian Agihan Zakat Majlis Agama Islam Melaka, 2024
- Hasib, F. F., Nurdiansyah, A. D. B., & Setiawan, Y. R. (2020). The Impact Of Mangrove Ecotourism On Welfare From The Perspective Of Maqasid Al-Sharia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 10(12), 502–512.
- Ibrahim, P. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1-23.
- Julia, T., & Kassim, S. (2020). Exploring Green Banking Performance Of Islamic Banks Vs Conventional Banks In Bangladesh Based On Maqasid Shariah Framework. *Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 729–744. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2017-0105>
- Kader, H. (2021). Human well-being , morality and the economy : an Islamic perspective. *Islamic Economic Studies*, 28(2), 102–123. <https://doi.org/10.1108/IES-07-2020-0026>
- Kasri, R., & Ahmed, H. (2015). Assessing Socio-Economic Development Based on Maqāṣid Al-Sharī‘ah Principles : Normative Frameworks , Methods and Implementation in Indonesia. *Islamic Economic Studies*, 23(1), 73–100. <https://doi.org/10.12816/0012264>
- Keputusan Mesyuarat Majlis Pengurusan Zakat Negeri-negeri (MPZN) kali ke-35, Bil. 1/2023
- Mohammed, A. A. S., & Mansor, F. (2021). Value- based Islamic banking and reporting in Bahrain. *International Journal of Ethics and Systems*, 37(4), 644–663. <https://doi.org/10.1108/IJOES-09-2020-0141>
- Mossie, M., Gerezgiher, A., Ayalew, Z., & Nigussie, Z. (2021). Welfare effects of small-scale farmers' participation in apple and mango value chains in Ethiopia. *Agrekon*, 60(2), 192-208.
- Nouman, M., Siddiqi, M. F., Ullah, K., & Jan, S. (2021). Nexus between higher ethical objectives (Maqasid Al Sharī‘ah) and participatory finance. *Qualitative Research in Financial Markets*, 13(2), 226–251. <https://doi.org/10.1108/QRFM-06-2020-0092>
- Rasool, M. S. A., & Salleh, A. M. (2014). Non-Monetary Poverty Measurement in Malaysia : A Maqāṣid Al-Sharī‘ah Approach. *Islamic Economic Studies*, 22(2), 33–46. <https://doi.org/10.12816/0008094>

- Sustainable Development Goals (2019). Dicapai pada 27 September 2024 di <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs>
- Omar, P. M. F. F. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2023). The Roles Of Zakat Towards Maqasid Al-Shariah And Sustainable Development Goals (Sdgs): A Case Study of Zakat institutions in East Malaysia. *International Journal of Zakat*, 8(Special), 68-81.
- Shahriar, S. M., Alam, M. M., Said, J., & Monzur-E-Elahi, M. (2018). Waqf as a tool for rendering social welfare services in the social entrepreneurship context. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2018(December), 87–98. <https://doi.org/10.7187/gjatsi2018-06>
- Shah Waliyullah al-Dahlawi. (2010). Ḥujjatullāh al-Balighah. Jilid ke-2. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Suprayitno, E., Aslam, M., & Harun, A. (2017). Zakat and SDGs: Impact zakat on human development in the five states of Malaysia. *International Journal of Zakat*, 2(1), 61-69.
- Yusof, S. A., Budiman, M. A., Amin, R. M., & Abideen, A. (2019). Holistic development and wellbeing based on Maqasid Al- Shari'ah: The case of south kalimantan, Indonesia. *Journal of Economic Cooperation and Development*, 40(4), 1–21.
- Zainal, H., Othman, Z. B., & Mustaffa, F. (2019). Perlaksanaan model Sustainable Development Goals dalam inisiatif pengurusan zakat di Kedah. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy* 1, 7.